

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30 September 2015

Najib ceritakan kisah di sebalik keterlibatan konstruktif dengan Obama, Jinping

'Saya lakukan untuk Malaysia'



Baharom Mahusin

Melaporkan dari NEW YORK

NEW YORK 29 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak percaya keterlibatan konstruktif yang dipupuknya dengan para pemimpin negara dunia termasuk dengan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama dan Presiden China, Xi Jinping tidak akan sekali-kali mengorbankan prinsip dan kepentingan Malaysia.

Perdana Menteri menjelaskan, dasar luar Malaysia di bawah kepimpinannya adalah berasaskan kepada prinsip bahawa Malaysia perlu menjalin perhubungan positif dengan semua negara tetapi tidak sampai terikat hingga tidak boleh untuk berbeza pandangan.

"Dasar luar kita berasaskan keterlibatan positif. Kita boleh mempunyai pandangan berbeza, tetapi ia tidak bermakna kita tidak boleh bersetuju dalam apa sahaja perkara.

"Di mana kita boleh bekerjasama, kita akan bekerjasama. Di mana kita boleh mulakan keterlibatan konstruktif, kita akan melakukannya," kata Najib ketika berucap pada majlis ramah mesra bersama rakyat Malaysia di bangunan Misi Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di sini lewat petang semalam.

Beliau yang dalam rangka lawatan kerja ke PBB segera menambah: "Namun, apabila tiba kepada perbezaan pendapat, kita akan kekal dengan prinsip yang kita pegang dan

harga."

Najib dalam ucapannya semalam membetulkan persepsi sesetengah pihak yang tidak memahami mengapa secara serentak Malaysia berbaik-baik dengan dua negara kuasa besar dunia, Amerika Syarikat dan China.

"Adalah tidak betul untuk mengatakan saya pro-Amerika atau pro-China dalam polisi saya selaku Perdana Menteri.

"Sebagai contoh, kita berbaik-baik dengan Presiden Obama. Mengikut rekod, saya satu-satunya Perdana Menteri yang berpeluang bermain golf dengan Obama, tapi malangnya masa yang diatur tidak bersesuaian, jadi saya tidak dapat apa-apa keuntungan politik."

"Namun faktanya ialah saya dapat meluangkan masa selama empat jam dengan Presiden Amerika Syarikat secara santai dan informal. Saya melakukannya kerana saya fikir ia adalah suatu cara positif untuk membina hubungan peribadi dengan Presiden Amerika Syarikat," katanya.

Najib dalam langkah untuk memupuk keterlibatan konstruktif Malaysia bersama negara kuasa besar telah bermain golf dengan Presiden Obama di pulau Hawaii pada 24 Disember tahun lalu.

Para pengkritiknya mendakwa masa yang diatur tidak sesuai kerana ketika itu berlaku bencana banjir besar di Malaysia.

Beliau menjelaskan di New York semalam: "Saya melakukannya (bermain golf dengan Obama) untuk Malaysia. Saya tidak buat untuk kepentingan peribadi saya."

Najib memberitahu, sungguhpun beliau mempunyai hubungan

Sebagai contoh, kita berbaik-baik dengan Presiden Obama. Mengikut rekod, saya satu-satunya Perdana Menteri yang berpeluang bermain golf dengan Obama, tapi malangnya masa yang diatur tidak bersesuaian, jadi saya tidak dapat apa-apa keuntungan politik."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

peribadi yang baik dengan Obama, ia tidak bermakna beliau perlu bersetuju dengan apa sahaja yang menjadi pendirian Amerika Syarikat.

Beliau memberikan contoh sikap Malaysia dalam isu Palestin yang begitu jauh bercanggah dengan dasar-dasar Presiden Obama dan Amerika Syarikat.

"Saya pernah pergi ke Gaza, Palestin dan disambut oleh Perdana Menteri Gaza yang mewakili pergerakan Hamas. Dalam senarai Amerika Syarikat, Hamas dianggap sebuah pertubuhan penganas. Walaupun bertentangan dengan dasar Amerika Syarikat, saya tetap ke Gaza kerana saya percaya rakyat Palestin perlu diberi hak-hak mereka yang sepatutnya.

"Inilah satu contoh bagaimana

dari satu segi kita boleh mempunyai keterlibatan positif, tetapi dari segi lain kita berbeza pandangan..... inilah dasar luar kita," ujar Najib.

Ketika beliau menjalin hubungan peribadi dengan Obama, kata Najib, beliau juga rapat dengan Presiden China, Xi Jinping, ketua negara besar di Asia Timur yang mempunyai penduduk seramai 1.3 bilion orang dan merupakan negara rakan dagang terbesar Malaysia.

Kata Perdana Menteri: "Sekiranya saya ini pro-Amerika, saya tidak fikir Presiden Jinping akan positif terhadap saya sebagaimana sekarang.

"China merupakan rakan dagang terbesar Malaysia dengan jumlah perdagangan bilateral melebihi AS\$100 bilion setahun. China merupakan sebuah enjin pertumbuhan. Kita juga mempunyai perbezaan pandangan dengan China, dan kita beraja menguruskannya dengan cara yang konstruktif."

Di Perhimpunan Agung PBB minggu ini, kedua-dua Amerika Syarikat dan China menjadi hos bersama dua mesyuarat penting badan dunia itu, iaitu Amerika Syarikat menjadi hos bersama sidang kemuncak penganas PBB manakala China menjadi hos bersama mesyuarat pemimpin global mengenai kesamaan gender dan pembangunan wanita.

Najib dijemput berucap dalam kedua-dua mesyuarat itu yang masing-masing dipengerusikan oleh Presiden Obama dan Presiden Jinping.

Majlis ramah mesra dengan rakyat Malaysia di New York semalam dihadiri kira-kira 300 orang, termasuk isteri Perdana Menteri,

Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Seri Awang Adek Hussin.

Dalam ucapannya pada majlis ramah mesra itu, Perdana Menteri melahirkan rasa terharu kerana ada dalam kalangan pelajar yang hadir pada majlis tersebut datang dari jauh, antaranya dari Ohio yang terletak 800 kilometer ke arah barat kota New York setelah menempuh perjalanan selama lapan jam dengan bas.

Dalam ucapan yang disampaikan secara santai dan tanpa teks, beliau menerangkan kepada mereka tentang prospek ekonomi yang berkembang di Malaysia, masa depan rantau ASEAN serta isu Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dalam konteks ia memberikan pendapatan tambahan kepada kerajaan ketika terjadi penurunan harga minyak di pasaran dunia.

Perdana Menteri juga menyentuh isu pembohongan dalam laman sosial dan perhimpunan haram yang diadakan di Kuala Lumpur untuk menggulingkan kerajaan demokratik yang sah, sambil menegaskan tentang pentingnya perpaduan dalam kalangan rakyat diartikan ketika berlaku perubahan perspektif masyarakat dunia terhadap isu globalisasi dan jati diri.

Katanya, seperti yang ditunjukkan dalam kebangkitan Arab Spring yang meruntuhkan kerajaan banyak negara di Timur Tengah, sekali sesebuah kerajaan ditumbangkan dengan cara tidak berperlembagaan melalui demonstrasi jalanan, kera-

jaan yang baru naik juga akan ditumbangkan lagi sekali dengan cara sama, hingga ia akhirnya menjerumuskan negara-negara itu ke dalam pertelingkahan yang tidak berpenghujung.

"Yang terjadi kepada kita nanti adalah huru-hara dan anarki," katanya sambil memberikan contoh bagaimana beribu-ribu pelarian dari negara-negara Islam terdampar di Eropah sekarang selepas negara mereka runtuh ekoran kebangkitan Arab Spring.

Malaysia, kata Najib, sebenarnya adalah sebuah negara yang hebat. "Saya telah pergi ke banyak negara di dunia... tiada yang dapat menandingi Malaysia."

Beliau juga menasihatkan para pelajar Malaysia di Amerika Syarikat supaya sentiasa meningkatkan perasaan ingin tahu dan semangat memajukan diri serta mempelajari nilai-nilai baik yang banyak diperlihatkan oleh rakyat Amerika Syarikat, khususnya dari segi semangat patriotisme.

Perdana Menteri meminta mereka membantu kerajaan. Kata beliau: "Kita perlu menjadikan Malaysia sebuah negara hebat..... saya tidak dapat melakukannya sendirian. Rakan-rakan saya tidak dapat melakukannya sendiri. Kami memerlukan bantuan anda semua, saya perlukan anda untuk percaya kepada masa depan-Malaysia."

Di seluruh Amerika Syarikat sekarang, dianggarkan terdapat 7,500 penuntut Malaysia. Ketika zaman kemuncaknya dahulu, kerajaan pernah menghantar sehingga 21,000 orang penuntut pada satu-satu masa ke negara ini. - UTUSAN

Um - 30/9/2015